



Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

E-ISSN: 2948-3964, Vol. 4, No. 1, 2025, pp. 257-275

TADBIR URUS PENGURUSAN HARTA LUQATAH DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS PERBANDINGAN

THE GOVERNANCE OF LUQATAH MANAGEMENT IN MALAYSIA: A COMPARATIVE ANALYSIS

ⁱRadin Ahmad Taufik Salikin Izaddin, ^{ii,iii,iv,*}Ahmad Syukran Baharuddin, ⁱⁱWan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱⁱLukman Abdul Mutalib, ⁱⁱHasnizam Hashim, ⁱⁱZulfaqar Mamat, ⁱⁱMuhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh, & ^vMohamad Amir Wan Harun

ⁱIslamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Johor Bahru, Johor, Malaysia

ⁱⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{iv}Research Fellow, Maqasid Institute, United States of America (USA)

^vInternational Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{vi}School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author. E-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 1 March 2025

Received in revised form: 15 May 2025

Acceptance date: 1 June 2025

Available online: 24 June 2025

Keywords:

Luqatah; Baitulmal governance; Institutional comparison; Procedural standardisation; Public wealth management, Pengurusan harta luqatah; Tadbir urus baitulmal; Penyeragaman prosedur; Pengurusan harta awam Islam

Funding:

This research was funded by USIM KUP Grant (PPPI/KUP/FSU/USIM/14123).

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Izzaddin, R. A. T. S., Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Mamat, Z., ... Wan Harun, M. A. (2025). Tadbir Urus Pengurusan Harta Luqatah di Malaysia: Suatu Analisis Perbandingan: The Governance of Luqatah Management In Malaysia: A Comparative Analysis. *Law, Policy, and Social Science*, 4(1), 257-275. <https://doi.org/10.55265/lpsjournal.v4i1.90>



© The Author(s) (2025). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com.

ABSTRACT

This study examines the management models of *luqatah* (lost property) implemented by baitulmal related institution in Malaysia, focusing on six core components: receipt, storage, public announcement, claims, valuation and disposal. A qualitative approach was employed through document analysis and interviews with institutional officers to assess the level of operational consistency across states. The findings show that all institutions adhere to fundamental Shariah principles and general procedures, particularly in documentation, the one-year announcement period and verification prior to returning property. However, significant variations were identified at the operational level, including record system integration, handling of low-value cash, depreciation guidelines and disposal mechanisms. These differences reflect varying levels of administrative development and highlight the need for greater procedural alignment. The study proposes the development of clearer national guidelines, an integrated record system, and a more structured valuation framework. The findings contribute empirical evidence to strengthen transparency and efficiency in luqatah management in Malaysia.



ABSTRAK

Kajian ini menganalisis model pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh institusi pengurusan harta di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada enam komponen utama, iaitu penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen prosedur dan temu bual bersama pegawai institusi bagi menilai tahap keseragaman pelaksanaan antara negeri. Dapatan menunjukkan bahawa semua institusi mematuhi prinsip asas syariah dan prosedur umum, khususnya dari segi dokumentasi, tempoh hebahan setahun serta siasatan sebelum pemulangan harta. Walau bagaimanapun, variasi ketara dikenal pasti pada peringkat pelaksanaan teknikal, termasuk integrasi sistem rekod, pengurusan wang tunai bernilai kecil, garis panduan susut nilai serta mekanisme pelupusan. Perbezaan ini menunjukkan tahap kematangan pentadbiran yang berbeza antara negeri dan keperluan penyelarasan yang lebih sistematik. Kajian ini mencadangkan pembangunan garis panduan kebangsaan yang lebih terperinci, sistem rekod bersepadu serta kerangka penilaian yang responsif terhadap perubahan nilai pasaran. Penemuan ini menyediakan asas empirikal bagi memperkukuh ketelusan dan kecekapan pengurusan harta luqatah di Malaysia.

Pendahuluan

Perbincangan mengenai harta luqatah dalam tradisi fiqh Islam berasaskan komitmen syariah terhadap pemeliharaan harta (*hifz al-māl*) sebagai salah satu maqasid utama. Luqatah merujuk kepada harta yang ditemui tanpa diketahui pemiliknya dan menuntut pengurusan berteraskan prinsip amanah, pengisytiharan serta pemulangan kepada pemilik asal apabila dikenal pasti (Wahbah al-Zuhayli, 1997; 1999). Dalam kerangka fiqh, kewajipan hebahan, larangan penyalahgunaan serta keharusan pemilikan selepas tempoh tertentu memperlihatkan bahawa luqatah bukan sekadar isu hukum, tetapi turut mempunyai dimensi pengurusan yang tersusun dan berasaskan tanggungjawab.

Dalam konteks Malaysia, pengurusan harta luqatah berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui institusi/jabatan/bahagian baitulmal. Peranan ini selaras dengan fungsi baitulmal sebagai pemegang amanah harta umat Islam dan pengurus sumber awam yang memerlukan tadbir urus yang cekap serta berintegriti (Rozi *et al.*, 2025). Manual Pengurusan Harta Luqatah yang diterbitkan oleh JAWHAR (2008) menyediakan garis panduan asas meliputi penerimaan, penyimpanan, hebahan dan pelupusan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan manual tersebut tertakluk kepada konteks pentadbiran negeri masing-masing, sekali gus membuka ruang kepada variasi amalan antara institusi.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa institusi pengurusan harta Islam berhadapan dengan cabaran berkaitan ketelusan, konsistensi prosedur dan sistem pemantauan (Mardini *et al.*, 2020; Ansori & Violita, 2024; Adiwijaya *et al.*, 2024). Dalam kajian khusus mengenai luqatah,



penyelidikan lebih banyak tertumpu kepada aspek kefahaman hukum dan kedudukan institusi secara umum (Saleh & Sharif@Hamzah, 2021; Mohd Musa, 2022), manakala analisis perbandingan model pelaksanaan antara negeri masih terhad. Kajian oleh Zanirah Mustafa @ Busu *et al.* (2021) dan Saadan *et al.* (2023) turut menunjukkan bahawa ketidakseragaman amalan boleh menjejaskan keseragaman tadbir urus serta pengalaman pengguna terhadap perkhidmatan institusi Islam.

Sehubungan itu, keperluan untuk menilai secara sistematik model pengurusan harta luqatah di peringkat negeri menjadi semakin signifikan. Variasi dalam aspek penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan menimbulkan persoalan tentang tahap keseragaman struktur dan keberkesanan pelaksanaan. Dalam kerangka tadbir urus Islam, standardisasi prosedur dan pengukuhan akauntabiliti merupakan elemen penting dalam memastikan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan harta awam (Mardini *et al.*, 2020; Ansori & Violita, 2024).

Justeru, kajian ini bertujuan membandingkan model pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri serta merumuskan cadangan penambahbaikan berdasarkan analisis jurang pelaksanaan dan amalan terbaik yang dikenal pasti. Dengan menumpukan kepada enam komponen utama – penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan – kajian ini berusaha menilai tahap keseragaman pelaksanaan serta implikasinya terhadap tadbir urus institusi. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembinaan model pengurusan luqatah yang lebih sistematik, bersepadu dan selaras dengan prinsip syariah serta tuntutan pentadbiran kontemporari.

Kajian Literatur

Pengurusan harta luqatah dalam kerangka fiqh Islam berasaskan prinsip pemeliharaan harta (*hifz al-māl*) sebagai salah satu maqasid utama syariah. Perbincangan klasik menegaskan kewajipan pengisytiharan, larangan pemilikan tanpa hebahan serta tanggungjawab menjaga harta sehingga pemilik dikenal pasti (Wahbah al-Zuhayli, 1997; 1999). Prinsip ini memperlihatkan bahawa luqatah bukan sekadar isu hukum individu, sebaliknya melibatkan mekanisme pengurusan yang tersusun bagi memastikan hak pemilik dilindungi dan maslahat awam terpelihara. Dalam konteks kontemporari, prinsip tersebut diterjemahkan melalui struktur institusi yang bertindak sebagai pemegang amanah harta awam. Di Malaysia, fungsi pengurusan harta umat Islam termasuk luqatah terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri melalui institusi baitulmal. Peranan ini melangkaui pengurusan zakat dan merangkumi harta tidak dituntut, lebihan pusaka serta bentuk harta lain yang berkepentingan awam (Ahmad *et al.*, 2020). Institusi baitulmal berfungsi sebagai entiti amanah yang memerlukan tadbir urus yang sistematik dan berintegriti bagi menjamin kepercayaan masyarakat (Rozi *et al.*, 2025). Sehubungan itu, keberkesanan pengurusan



luqatah sangat bergantung kepada kejelasan prosedur operasi, keseragaman struktur pentadbiran dan mekanisme pemantauan yang telus.

Manual Pengurusan Harta Luqatah yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR, 2008) menyediakan garis panduan asas merangkumi penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan. Secara teorinya, manual ini membentuk asas model pengurusan yang standard. Namun demikian, pelaksanaannya tertakluk kepada konteks pentadbiran negeri masing-masing, sekali gus membuka ruang kepada variasi amalan antara MAIN. Variasi ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan wujudnya ketidakseragaman struktur pentadbiran dan bidang kuasa dalam pengurusan harta umat Islam di Malaysia (Ahmad *et al.*, 2020). Dalam literatur tadbir urus institusi Islam, elemen akauntabiliti, ketelusan dan kawalan dalaman dikenal pasti sebagai faktor utama dalam membina kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan harta awam (Mardini *et al.*, 2020; Ansori & Violita, 2024; Adiwijaya *et al.*, 2024). Kepercayaan tersebut mempunyai hubungan langsung dengan tahap kejelasan prosedur operasi dan konsistensi pelaksanaannya (Tajuddin & Takril, 2023). Dalam konteks ini, model pengurusan bukan sekadar dokumen prosedur, tetapi merujuk kepada struktur operasi yang merangkumi mekanisme dokumentasi, kawalan dalaman, sistem rekod dan tatacara pelupusan yang dilaksanakan secara bersepadu.

Walaupun bagaimanapun, kajian khusus berkaitan luqatah dalam konteks institusi masih relatif terhad. Penyelidikan oleh Saleh dan Sharif@Hamzah (2021) mendapati tahap kefahaman masyarakat terhadap hukum dan pengurusan luqatah berada pada tahap sederhana, menunjukkan keperluan kepada sistem pengurusan yang lebih jelas dan tersusun. Saadan *et al.* (2023) pula menegaskan bahawa pengurusan luqatah memerlukan prosedur sistematik bagi menjamin pemulangan hak pemilik serta pemanfaatan harta secara sah. Namun, kajian-kajian ini lebih bersifat normatif dan tidak menjalankan analisis perbandingan terhadap pelaksanaan model antara negeri. Kajian oleh Zanirah Mustafa @ Busu *et al.* (2021) yang membangunkan kerangka model pengurusan luqatah di institusi pengajian tinggi memperlihatkan kepentingan struktur jawatankuasa, garis panduan prosedur dan audit syariah. Mohd Musa (2022) turut menekankan bahawa ketiadaan SOP yang jelas, khususnya dalam aspek penilaian dan pelupusan, boleh menyebabkan kesukaran pentadbiran serta risiko susut nilai harta. Walaupun cadangan ini signifikan, kebanyakan kajian tersebut tertumpu kepada institusi tertentu dan belum menilai secara komprehensif pelaksanaan manual di peringkat MAIN.

Pada masa yang sama, literatur pengurusan harta Islam menunjukkan bahawa ketidakseragaman pentadbiran antara negeri boleh menimbulkan ketidaksamaan akses perkhidmatan dan persepsi kurang telus terhadap institusi (Ahmad *et al.*, 2020). Dalam kerangka tadbir urus, standardisasi prosedur merupakan elemen penting bagi memastikan konsistensi pelaksanaan serta kebolehkesanan maklumat (Mardini *et al.*, 2020). Oleh itu, model pengurusan luqatah yang berkesan perlu menzahirkan keseragaman struktur asas



tanpa menafikan keanjalan pentadbiran mengikut konteks negeri. Selain dimensi struktur pentadbiran, perkembangan teknologi digital turut memberi implikasi kepada pengurusan harta Islam. Kajian menunjukkan bahawa integrasi sistem digital meningkatkan ketelusan pelaporan dan kecekapan operasi institusi zakat (Hadi *et al.*, 2024; Fazial *et al.*, 2025). Analisis bibliometrik turut memperlihatkan peningkatan perhatian terhadap transformasi digital dalam pengurusan kewangan Islam (Susanto *et al.*, 2024). Walaupun fokus kajian ini bukan pada transformasi teknologi secara menyeluruh, implikasinya terhadap sistem rekod, hebahan dan tuntutan luqatah adalah signifikan. Namun demikian, literatur semasa belum menghubungkan secara empirikal integrasi digital dengan model pengurusan luqatah di peringkat negeri.

Berdasarkan sorotan literatur, tiga jurang utama dapat dikenal pasti. Pertama, kebanyakan kajian menumpukan kepada aspek hukum atau tadbir urus umum tanpa menganalisis secara khusus model pelaksanaan luqatah di peringkat MAIN. Kedua, tiada kajian yang membandingkan secara sistematik struktur dan pelaksanaan model pengurusan luqatah antara negeri bagi menilai tahap keseragaman dan variasi operasional. Ketiga, hubungan antara variasi model tersebut dengan prinsip tadbir urus Islam serta potensi penambahbaikan struktur masih belum dihuraikan secara empirikal. Jurang ini menimbulkan persoalan kritikal: sejauh manakah model pengurusan luqatah yang diamalkan di negeri-negeri berbeza dari segi struktur dan mekanisme pelaksanaan, dan apakah implikasi perbezaan tersebut terhadap keseragaman tadbir urus nasional? Tanpa analisis perbandingan yang sistematik, penilaian terhadap keberkesanan manual prosedur operasi luqatah kekal bersifat terpisah dan tidak menyeluruh.

Sehubungan itu, kajian ini mengambil pendekatan analisis perbandingan model pengurusan luqatah yang diamalkan oleh beberapa MAIN dengan menumpukan kepada enam komponen utama, iaitu penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan. Melalui sintesis dapatan perbandingan, kajian ini seterusnya merumuskan cadangan penambahbaikan berasaskan jurang pelaksanaan dan elemen amalan terbaik yang dikenal pasti. Pendekatan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan model pengurusan luqatah yang lebih sistematik, konsisten dan selaras dengan prinsip tadbir urus Islam kontemporari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes perbandingan bagi menilai prosedur operasi pengurusan harta luqatah di institusi baitulmal Malaysia. Fokus analisis merangkumi enam dimensi utama, iaitu penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen (manual prosedur, garis panduan dan dokumen rasmi institusi) serta temu bual separa berstruktur dengan pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan luqatah. Institusi dipilih menggunakan pensampelan bertujuan berdasarkan keterlibatan aktif dalam pengendalian



harta luqatah iaitu, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pertubuhan Baitulmal Negeri Sabah. Data dianalisis menggunakan analisis tematik dan perbandingan rentas kes bagi mengenal pasti pola persamaan, variasi pelaksanaan serta isu strategik tadbir urus antara negeri. Pendekatan triangulasi antara dokumen dan temu bual digunakan bagi meningkatkan kesahan dapatan. Reka bentuk ini membolehkan penilaian komprehensif terhadap tahap keseragaman prosedur serta implikasinya terhadap tadbir urus dan kepercayaan masyarakat.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelima-lima institusi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Kedah, Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan dan Pertubuhan Baitulmal Negeri Sabah yang dikaji mempunyai struktur asas Manual Prosedur Operasi Pengurusan Harta Luqatah yang seragam dari sudut prinsip. Namun berbeza dari segi tahap perincian, dokumentasi dan kematangan tadbir urus. Keseragaman dapat dilihat pada enam elemen utama pengurusan iaitu; Penerimaan dan pendaftaran, Penyimpanan dan rekod, Hebahan, Tuntutan, Penilaian dan Pelupusan. Semua institusi mengamalkan prinsip asas amanah, dokumentasi, hebahan setahun, siasatan sebelum pemulangan, penilaian berdasarkan harga semasa serta pelupusan selepas tamat tempoh hebahan.



Rajah 1: Struktur Asas Manual Prosedur Operasi Pengurusan Harta Luqatah

Walau bagaimanapun, analisis perbandingan menunjukkan bahawa tahap sistematik, kawalan dalaman dan integrasi rekod berbeza secara ketara antara institusi. MAIS dan MAIWP secara relatifnya memperlihatkan prosedur yang lebih terperinci dan tersusun. Manakala institusi lain melaksanakan prosedur asas tanpa dokumentasi yang setara atau sistem digital bersepadu. Berikut adalah dapatan keseluruhan manual prosedur operasi bagi setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pertubuhan Baitulmal:

Manual Prosedur Operasi	MAIS	MAIWP	PBNS	MAIN Kedah	MAIN Kelantan
-------------------------	------	-------	------	---------------	------------------



Penerimaan & Pendaftaran	Borang & akuan rasmi	✓	✓	✓	✓	✓
	Rekod bersepadu (manual dan digital)	✓	✓	~	~	X
	Polisi tunai kecil & kategori khas (haiwan)	~	~	X	X	X
	Integrasi agensi luar	▲	~	~	~	~
Penyimpanan	Keselamatan fizikal	✓	✓	✓	✓	✓
	Dokumentasi bergambar & pelabelan	✓	~	~	~	X
	Akaun khas tunai	✓	✓	X	X	X
	Pengurusan susut nilai semasa simpanan	✓	~	~	~	X
Hebahan	Tempoh hebahan setahun	✓	✓	✓	✓	✓
	Medium fizikal & digital	✓	✓	~	~	~
	Fleksibiliti mengikut nilai/jenis harta	~	~	X	X	X
Tuntutan	Siasatan sebelum pemulangan	✓	✓	✓	✓	✓
	Laporan siasatan rasmi	✓	~	X	X	X
	Fi penyimpanan jelas	X	X	X	X	X
Penilaian	Nilai pasaran semasa	✓	✓	✓	✓	✓
	Laporan penilaian rasmi	✓	✓	~	~	X
	Standard rujukan harga	~	~	~	~	X
	Kadar susut nilai nasional	X	X	X	X	X
Pelupusan	Pelupusan selepas 1 tahun	✓	✓	✓	✓	▲
	Mekanisme lelong berstruktur	✓	✓	✓	~	X
	Struktur lelong standard nasional	X	~	~	X	X
	Hasil masuk akaun baitulmal	✓	✓	✓	✓	X

Petunjuk: ✓ = Jelas & sistematik | ~ = Terhad | X = Tidak jelas/Tiada | ▲ = Dalam proses

Jadual 1: Perbandingan Pengurusan Harta Luqatah



Jadual menunjukkan bahawa dimensi yang paling seragam antara negeri ialah penerimaan formal, keselamatan penyimpanan serta siasatan tuntutan. Walau bagaimanapun, variasi ketara wujud dalam aspek sistem rekod bersepadu, dokumentasi susut nilai serta mekanisme pelupusan. MAIN Kelantan menunjukkan tahap dokumentasi paling minimum dalam beberapa dimensi, manakala MAIS dan MAIWP memperlihatkan tahap sistematik yang lebih tinggi secara keseluruhan. Dapatan turut mengenal pasti beberapa isu struktural merentas semua institusi, termasuk; tiada garis panduan jelas bagi wang tunai bernilai kecil, ketiadaan standard susut nilai bagi barangan digital, ketidakseragaman integrasi rekod manual dan digital, tiada ketetapan kadar fi penyimpanan, mekanisme pelupusan yang berbeza dari segi struktur lelongan dan pengurusan kategori khas seperti haiwan yang tidak konsisten. Secara keseluruhannya, walaupun asas prosedur adalah selaras dengan prinsip syarak dan manual JAWHAR, pelaksanaan praktikal menunjukkan variasi tadbir urus yang memerlukan penyelarasan dan penyeragaman di peringkat nasional sepertimana perincian dapatan berikut:

Penerimaan

Dapatan menunjukkan bahawa semua institusi mematuhi prinsip asas penerimaan harta luqatah melalui pengisian borang serahan, perekodan maklumat dan pengeluaran akuan terima. Keceragaman ini mencerminkan pematuhan terhadap prinsip amanah dan dokumentasi formal sebagai bukti transaksi antara penemu dan institusi. Namun, tahap sistematik pelaksanaan berbeza. MAIS dan MAIWP memperlihatkan integrasi sistem dan dokumentasi dalaman yang lebih tersusun, manakala institusi lain masih bergantung kepada rekod manual atau sistem separa digital. Integrasi antara transaksi kaunter dan dalam talian juga belum sepenuhnya sepadu, mewujudkan potensi jurang kebolehesanan data. Isu strategik yang paling ketara ialah ketiadaan garis panduan jelas berkaitan penerimaan wang tunai bernilai kecil. Pertimbangan praktikal seperti yang dinyatakan responden:

“Leceh ustaz RM10 pun kita nak keluarkan iklan.” (R2)

Hal ini menunjukkan wujudnya fleksibiliti tidak bertulis yang boleh menghasilkan amalan berbeza antara negeri. Selain itu, kategori khas seperti haiwan tidak ditangani secara konsisten dan sering dirujuk kepada pihak lain atas pertimbangan kos dan logistik. Integrasi dengan agensi luar seperti masjid, hospital dan pusat beli-belah juga belum diselaraskan secara sistematik. Secara keseluruhan, penerimaan adalah seragam dari sudut prinsip, tetapi tidak seragam dari sudut standardisasi pelaksanaan.

Penyimpanan

Dalam aspek penyimpanan, semua institusi menekankan keselamatan fizikal melalui penggunaan peti besi, kabinet berkunci atau bilik simpanan terkawal. Ini menunjukkan kesedaran bersama bahawa institusi bertindak sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab menjaga harta sehingga tuntutan atau pelupusan dibuat.



Walau bagaimanapun, perbezaan ketara wujud pada tahap dokumentasi dan kawalan dalaman. MAIS dan MAIWP melaksanakan pelabelan barangan, dokumentasi bergambar serta pengasingan kategori aset dengan lebih sistematik, manakala institusi lain lebih tertumpu kepada keselamatan fizikal asas tanpa dokumentasi nilai yang konsisten. Cabaran utama dalam penyimpanan ialah risiko susut nilai, khususnya bagi barangan digital:

“Benda tu kadang-kadang nilai tu dah turun kan, contohnya handphone.” (R5)

Tambahan pula, pengakuan bahawa nilai tidak direkodkan secara sistematik sebelum ini:

“Kita tak letakkan nilai... sekarang kami cubalah untuk letak nilai.” (R3)

Ini jelas bahawa dokumentasi nilai semasa penerimaan dan penyimpanan belum distandardkan sepenuhnya. Integrasi rekod manual dan digital juga belum beroperasi secara bersepadu di semua institusi, yang berpotensi menjejaskan ketelusan dan kebolehesanan maklumat.

Hebahan

Dapatan menunjukkan bahawa semua institusi menetapkan tempoh hebahan selama setahun sebelum sesuatu harta boleh dilupuskan. Keseragaman ini selaras dengan tuntutan syarak dan diamalkan secara konsisten antara negeri. Hebahan dilaksanakan melalui gabungan medium fizikal (masjid, papan kenyataan, tempat awam) dan digital (laman web dan media sosial rasmi). Namun, pelaksanaan hebahan tidak sepenuhnya seragam dari sudut kategori harta dan fleksibiliti pentadbiran. Isu utama yang timbul ialah keperluan menghebahkan wang tunai bernilai kecil. Seperti dinyatakan:

“Leceh ustaz RM10 pun kita nak keluarkan iklan.” (R2)

Petikan ini menunjukkan wujud pertimbangan praktikal yang tidak diperincikan dalam manual rasmi, sekali gus membuka ruang kepada amalan berbeza antara negeri. Selain itu, tempoh hebahan yang seragam menimbulkan cabaran bagi barangan cepat susut nilai seperti gajet. Tanpa garis panduan kategori, harta mungkin kehilangan nilai sebelum sempat dituntut. Ini menunjukkan bahawa pendekatan hebahan masih bersifat umum dan belum sepenuhnya kontekstual mengikut jenis aset. Secara analitik, hebahan adalah seragam dari sudut tempoh, tetapi tidak seragam dari sudut fleksibiliti dan pengelasan harta.

Tuntutan

Dalam aspek tuntutan, semua institusi melaksanakan siasatan sebelum pemulangan dibuat. Proses ini melibatkan semakan ciri-ciri harta, maklumat khusus dan pengesahan identiti bagi memastikan kesahihan pemilikan. Prinsip ini diamalkan secara konsisten dan mencerminkan komitmen terhadap keadilan dan perlindungan hak pemilik. Namun, tahap dokumentasi dan kawalan dalaman berbeza. MAIS memperlihatkan prosedur lebih formal melalui laporan siasatan dan kelulusan jawatankuasa, manakala institusi lain melaksanakan siasatan asas



tanpa dokumentasi yang setara. Isu kritikal dalam tuntutan ialah ketiadaan penetapan nilai awal yang sistematik. Hal ini diperakui oleh responden:

"Kita tak letakkan nilai... sekarang kami cubalah untuk letak nilai." (R3)

Kedadaan ini memberi implikasi terhadap tuntutan selepas pelupusan, khususnya jika nilai harta telah berubah. Susut nilai turut menjadi cabaran dalam konteks tuntutan tertanggung:

"Benda tu kadang-kadang nilai tu dah turun kan, contohnya handphone." (R5)

Petikan ini menunjukkan bahawa keadilan tuntutan bergantung kepada ketepatan dokumentasi nilai dan garis panduan susut nilai yang jelas dimana pada masa ini belum diseragamkan.

Penilaian

Dapatan menunjukkan bahawa semua institusi menggunakan nilai pasaran semasa sebagai asas penentuan nilai harta luqatah sebelum pelupusan atau pemulangan dibuat. Prinsip ini mencerminkan komitmen terhadap keadilan dan ketelusan dalam pengurusan amanah. Walau bagaimanapun, tahap sistematik penilaian berbeza antara negeri. MAIS dan MAIWP menyediakan laporan penilaian, menimbang berat barang kemas serta membuat semakan kefungisian barangan secara formal. Institusi lain pula tidak memperincikan sumber rujukan harga atau prosedur penilaian secara bertulis. Isu paling kritikal ialah ketiadaan garis panduan susut nilai, khususnya bagi barangan digital:

"Benda tu kadang-kadang nilai tu dah turun kan, contohnya handphone." (R5)

Tambahan pula, pengakuan bahawa nilai awal tidak direkodkan secara konsisten:

"Kita tak letakkan nilai... sekarang kami cubalah untuk letak nilai." (R3)

Hal ini menunjukkan bahawa penilaian sebelum ini belum distandardkan sepenuhnya. Cadangan responden agar rujukan dibuat kepada harga pasaran semasa dan pasaran sekunder:

"Rujuk harga semasa, harga pasaran, second hand. Perlu mesyuarat dan keputusan pihak pengurusan." (R5)

Sekaligus menyatakan bahawa keperluan pendekatan penilaian yang lebih formal dan berasaskan keputusan kolektif. Secara analitik, prinsip penilaian adalah seragam, tetapi mekanisme teknikalnya belum diselaraskan.

Pelupusan



Dalam aspek pelupusan, semua institusi melaksanakan pelupusan selepas tempoh hebahan setahun dan memastikan hasil dimasukkan ke dalam akaun baitulmal sebagai amanah. Lelongan merupakan kaedah dominan dengan beberapa institusi melaksanakan lelong dua peringkat (tertutup dan terbuka). Manakala yang lain mengamalkan pendekatan lebih fleksibel seperti jualan terus atau pemberian kepada institusi tertentu.

Walaupun tempoh dan prinsip pelupusan adalah seragam, struktur mekanisme dan syarat penyertaan tidak diseragamkan sepenuhnya antara negeri. Cabaran utama dalam pelupusan berkait rapat dengan turun naik harga pasaran dan risiko susut nilai akibat kelewatan:

“Benda tu kadang-kadang nilai tu dah turun kan...” (R5)

Petikan ini menunjukkan bahawa pelupusan bukan sekadar prosedur akhir. Tetapi ianya bergantung secara langsung kepada ketepatan dan masa penilaian. Selain itu, keperluan keputusan pengurusan sebelum pelupusan dibuat memperlihatkan bahawa proses ini memerlukan kawalan tadbir urus yang lebih formal dan berstruktur.

Isu Strategik dan Penambahbaikan Pengurusan Harta Luqatah

Dapatan juga mengenal pasti beberapa isu strategik yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan harta luqatah di institusi baitulmal. Walaupun prinsip asas seperti dokumentasi, tempoh hebahan setahun dan keperluan siasatan pemilikan adalah seragam, pelaksanaan operasi menunjukkan variasi yang signifikan serta keperluan reformasi struktur.

Bil	Isu Strategik	Petikan Responden	Cadangan Penambahbaikan
1	Ketidakseragaman SOP & ketiadaan garis panduan kategori khas	“Kalau kita terima duit macam RM10, RM50... takkan kita nak iklankan sampai setahun...” (R2)	Tetapkan had minimum nilai hebahan (threshold nasional)
		“Emas palsu pun ada... bila buat penilaian ternyata emas tadi itu emas palsu.” (R2)	Wujudkan protokol pengesahan emas/pemalsuan
		“Kalau ada orang jumpa lembu pun kita tak terima... kos pengurusan.” (R1)	Bangunkan SOP khusus haiwan (rujukan jabatan veterinar/PBT)
2	Ketiadaan sistem rekod bersepadu & integrasi digital	“Lembu susah nak simpan... nak buat tempat tak efisien.” (R4)	Mekanisme rujukan terus kepada agensi berkaitan
		“Serahan online dan kaunter berasingan... patutnya dia perlu satu rekod.” (R1)	Bangunkan sistem pengurusan luqatah bersepadu nasional
3	Ketidakjelasan kadar fi & mekanisme kewangan	“Online takde rekod... ada penyata dari bahagian kewangan sahaja.” (R3)	Integrasi modul kewangan dan modul luqatah
		“Dalam manual pengurusan luqatah itu tidak menyatakan kadar upah simpan... setakat ini tiada.” (R3)	Tetapkan kadar fi penyimpanan secara rasmi



		“Kalau orang datang, kita kena pulangkan... kena jelaskan tanggungjawab majlis.” (R1)	Garis panduan pemulangan & dokumentasi kewangan jelas
		“Eloknya emas ni kita simpan... walaupun kena charge, tetapi ada keuntungan kat situ.” (R1)	Dasar pelaburan strategik emas luqatah (patuh syariah)
4	Cabaran penilaian & susut nilai	“Barang... kadang-kadang nilai tu dah turun... contohnya handphone.” (R5)	Bangunkan kadar susut nilai standard (jadual peratusan)
		“Kami cubalah untuk letak nilai.” (R3)	Wajibkan dokumentasi nilai awal
		“Pegawai perlu melihat mana yang mempunyai nilai, kita asingkan.” (R1)	Garis panduan klasifikasi nilai harta
5	Ketidakefisienan mekanisme pelupusan	“Pelupusan tu dia makan masa... kita takut emas jatuh.” (R4)	Tetapkan tempoh pelupusan fleksibel ikut pasaran
		“Kalau boleh jual terus kat kedai, dia bagi kita mudah.” (R4)	Benarkan jualan terus melalui panel dilantik
		“Kita nak lantik panel pembeli... tak payah buat pameran terbuka.” (R4)	Pelantikan panel pembeli tetap
		“Kos mengurus lebih banyak... baik kumpul banyak, lepas tu buat sekali.” (R1)	Strategi pelupusan secara pukal
6	Potensi peluasan impak sosial	“Kita boleh hadiahkan gajet... kepada rumah anak yatim.” (R3)	Integrasi dimensi kebajikan sosial dalam pelupusan

Jadual 2: Isu Strategik dan Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Harta Luqatah

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mengenal pasti beberapa isu strategik yang memperlihatkan tahap kematangan tadbir urus yang tidak sekata antara institusi baitulmal negeri. Walaupun prinsip asas seperti kewajipan dokumentasi formal, tempoh hebahan setahun serta keperluan siasatan sebelum pengesahan pemilikan diamalkan secara konsisten, pelaksanaan operasional memperlihatkan variasi yang signifikan. Variasi ini tidak sekadar berbentuk teknikal, bahkan mencerminkan ketiadaan standardisasi nasional yang komprehensif dalam kerangka prosedur operasi pengurusan luqatah.

Isu pertama yang dominan ialah ketidakseragaman dalam pengendalian kategori harta tertentu, khususnya wang tunai bernilai kecil, emas palsu dan haiwan luqatah. Ketiadaan garis panduan khusus bagi kategori ini menyebabkan pelaksanaan bergantung kepada pertimbangan pentadbiran dalaman institusi. Keadaan ini menghasilkan amalan yang tidak sepenuhnya konsisten antara negeri serta menunjukkan bahawa manual sedia ada belum mengambil kira kompleksiti kategori harta dalam konteks kontemporari. Kedua, dapatan menunjukkan bahawa sistem rekod dan dokumentasi belum beroperasi secara bersepadu sepenuhnya. Pengasingan antara transaksi kaunter dan dalam talian, serta ketiadaan



pangkalan data berpusat, menimbulkan implikasi terhadap kebolehesanan maklumat dan kecekapan pemantauan. Situasi ini memperlihatkan bahawa transformasi digital dalam pengurusan luqatah masih berada pada tahap separa integrasi.

Ketiga, aspek mekanisme kewangan memperlihatkan ketidakjelasan dari sudut kadar fi penyimpanan dan kos perkhidmatan, apabila perincian tersebut tidak dinyatakan secara eksplisit dalam manual semasa. Pada masa yang sama, wujud kesedaran tentang potensi pengurusan aset bernilai tinggi secara lebih strategik. Hal ini menunjukkan bahawa dimensi kewangan luqatah belum dimanfaatkan sepenuhnya dalam kerangka tadbir urus aset amanah. Keempat, cabaran penilaian dan pengurusan susut nilai dikenal pasti sebagai isu kritikal, khususnya bagi barangan digital dan aset yang terdedah kepada perubahan nilai pasaran dalam tempoh singkat. Ketiadaan jadual susut nilai standard serta dokumentasi nilai awal yang konsisten berpotensi menjejaskan ketepatan penilaian semasa tuntutan dan pelupusan.

Kelima, walaupun mekanisme pelupusan berasaskan lelongan dilaksanakan secara umum, dapatan menunjukkan variasi struktur pelaksanaan serta cabaran berkaitan turun naik harga pasaran dan kos pentadbiran. Keadaan ini menandakan bahawa mekanisme pelupusan masih memerlukan penyelarasan dari sudut kecekapan dan responsif terhadap dinamika pasaran. Akhir sekali, kajian ini turut menonjolkan dimensi kebajikan sosial yang berpotensi diperluas dalam pengurusan luqatah. Walaupun fungsi utama kekal sebagai pemeliharaan amanah dan pemulangan hak pemilik, terdapat ruang untuk memperkukuh impak sosial melalui pendekatan pelupusan yang lebih berorientasikan manfaat komuniti. Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengurusan harta luqatah di Malaysia berada pada tahap pematuhan prinsip syarak yang memadai, namun masih memerlukan penyeragaman struktur, pengukuhan integrasi sistem dan pematapan dimensi kewangan serta penilaian aset. Isu-isu strategik yang dikenal pasti ini membentuk gambaran menyeluruh tentang keperluan pengukuhan tadbir urus luqatah dalam konteks pentadbiran Islam kontemporari.

Perbincangan

Perbincangan ini dianalisis berdasarkan objektif kajian untuk membandingkan model pengurusan luqatah antara negeri serta merumuskan cadangan penambahbaikan berasaskan jurang pelaksanaan yang dikenal pasti. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengurusan harta luqatah di institusi baitulmal di Malaysia beroperasi berasaskan kerangka Manual Prosedur Operasi yang menekankan prinsip amanah, ketelusan dan pematuhan syariah. Kewujudan prosedur asas seperti dokumentasi penerimaan, penyimpanan di tempat selamat, tempoh hebahan selama setahun, pelaksanaan siasatan sebelum pemulangan, penilaian berdasarkan harga semasa serta pelupusan selepas tamat tempoh tuntutan menunjukkan bahawa amalan pengurusan semasa adalah selaras dengan kerangka fiqh berkaitan harta



hilang serta fungsi baitulmal sebagai pemegang amanah harta umat Islam (Ahmad *et al.*, 2020; Rozi *et al.*, 2025). Keselarasan ini turut menyokong pandangan bahawa keberkesanan institusi baitulmal sangat bergantung kepada tadbir urus yang berteraskan akauntabiliti, ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan harta awam Islam (Adiwijaya *et al.*, 2024; Ansori & Violita, 2024).

Walaupun manualnya menyediakan asas pengurusan yang jelas, analisis mendapati bahawa keseragaman pada tahap prinsip tidak sepenuhnya diterjemahkan kepada keseragaman pada tahap pelaksanaan operasi. Variasi ketara wujud antara institusi negeri dari sudut perincian dokumentasi, mekanisme rekod, sumber penilaian harga, kaedah pelupusan serta tahap integrasi digital. Keadaan ini menunjukkan bahawa manual sedia ada lebih berfungsi sebagai garis panduan umum berbanding standard operasi nasional yang menyeluruh, sekali gus berpotensi menjejaskan konsistensi pentadbiran dan pengalaman pengguna. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa standardisasi prosedur merupakan faktor penting dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat dan baitulmal (Astuti & Bidabad, 2024; Mardini *et al.*, 2020).

Dari sudut penerimaan harta luqatah, keperluan dokumentasi melalui borang serahan dan akuan penerimaan membuktikan bahawa manual sedia ada memberi penekanan terhadap kebolehsesan maklumat serta perlindungan hak pemilik. Pendekatan ini bertepatan dengan prinsip fiqh yang membezakan antara harta yang tidak diketahui pemiliknya dan harta berbentuk haiwan (al-Zuhayli, 1985), di samping memperlihatkan kesesuaian dengan peranan baitulmal sebagai pemegang amanah. Namun, ketiadaan prosedur khusus bagi pengurusan haiwan luqatah akibat kekangan kos dan logistik menunjukkan jurang antara prinsip fiqh dan realiti pentadbiran kontemporari. Walaupun nas hadis membenarkan pengambilan haiwan tertentu yang terdedah kepada bahaya serta memberi ruang pemilikan selepas hebahan (Wahbah, 1999), pelaksanaan semasa masih memerlukan garis panduan operasi yang lebih praktikal. Dalam masa yang sama, isu penerimaan barangan tidak bernilai atau cepat susut nilai menuntut mekanisme tapisan dan penilaian awal yang lebih sistematik bagi mengelakkan beban pengurusan dan kesukaran pelupusan (Mohd Musa, 2022).

Bagi aspek penyimpanan, manual prosedur jelas menekankan keselamatan fizikal melalui penggunaan peti besi, kabinet berkunci serta rekod sistematik, selaras dengan tanggungjawab pemegang amanah terhadap harta orang lain (Saadan *et al.*, 2023). Penekanan terhadap penyeliaan berkala, kawalan akses dan rekod yang jelas turut mencerminkan dimensi etika amanah dalam pengurusan harta Islam, di mana kegagalan menjaga amanah boleh membawa implikasi duniawi dan ukhrawi (Mohamed *et al.*, 2017). Walau bagaimanapun, ketidakseragaman rekod antara transaksi kaunter dan dalam talian menunjukkan bahawa manual prosedur masih belum disokong oleh integrasi sistem maklumat yang menyeluruh. Jurang ini menjadi signifikan dalam konteks transformasi digital institusi Islam, di mana penggunaan teknologi maklumat terbukti meningkatkan ketelusan pelaporan dan kecekapan pengurusan zakat (Hadi *et al.*, 2024; Fazial *et al.*, 2025; Susanto *et al.*, 2024). Oleh itu,



pengukuhan manual prosedur melalui sistem rekod digital bersepadu merupakan keperluan kritikal dalam tadbir urus kontemporari.

Dari segi hebahan, kesepakatan terhadap tempoh setahun sebelum pelupusan menunjukkan pematuhan terhadap tuntutan syarak (Wahbah, 1999) serta selari dengan kajian yang menekankan keperluan hebahan maklumat umum tanpa memperincikan ciri khusus bagi mengelakkan penipuan tuntutan (Zanirah Mustafa@Busu *et al.*, 2021; Saadan *et al.*, 2023). Namun demikian, ketidaksesuaian tempoh setahun bagi harta bernilai rendah atau cepat susut nilai menunjukkan bahawa manual prosedur memerlukan pendekatan lebih kontekstual dan fleksibel. Hal ini sejajar dengan pandangan fiqh yang membenarkan pemanfaatan harta kurang bernilai selepas hebahan singkat, sekali gus menuntut semakan semula prosedur semasa agar lebih praktikal tanpa menjejaskan prinsip syariah.

Dalam prosedur tuntutan, keperluan siasatan terperinci melalui semakan ciri, jumlah dan lokasi kehilangan menzahirkan prinsip pencegahan penipuan serta perlindungan hak pemilik (Saadan *et al.*, 2023; Zanirah Mustafa@Busu *et al.*, 2021). Pengenaan caj perkhidmatan pula selari dengan keharusan menuntut kos penjagaan berdasarkan prinsip syarak, namun ketiadaan kadar fi yang jelas dalam manual prosedur boleh menimbulkan ketidakseragaman amalan dan persepsi kurang telus. Literatur berkaitan kepatuhan zakat menunjukkan bahawa ketelusan kewangan dan struktur caj yang jelas merupakan faktor utama dalam membina kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan harta Islam (Tajuddin & Takril, 2023; Tazhdinov & Hidayanti, 2025). Oleh itu, standardisasi struktur fi menjadi komponen penting dalam pengukuhan manual prosedur.

Aspek penilaian pula menunjukkan pematuhan terhadap prinsip nilai pasaran semasa sebelum pelupusan, selaras dengan tuntutan keadilan dalam muamalat (Zanirah Mustafa@Busu *et al.*, 2021). Namun, ketiadaan garis panduan susut nilai khususnya bagi barangan digital menunjukkan kelemahan struktur manual prosedur dalam menangani realiti ekonomi moden. Dalam kerangka maqasid syariah, ketepatan penilaian berkait langsung dengan pemeliharaan harta dan keadilan kepada pemilik (Abdullah *et al.*, 2025), justeru pembangunan kerangka penilaian nasional yang sistematik adalah diperlukan.

Dari sudut pelupusan, manual prosedur memperuntukkan pelbagai kaedah seperti lelongan, jualan terus dan pemberian hadiah, selagi selaras dengan syarak serta dilaksanakan selepas tempoh hebahan setahun (Wahbah, 1999). Walaupun lelongan menjadi mekanisme utama, cabaran turun naik harga pasaran, tempoh pelaksanaan panjang dan kos pentadbiran menunjukkan keperluan inovasi prosedural. Cadangan penggunaan jualan terus, pelantikan panel pembeli serta pelupusan secara pukal mencerminkan ijihad pentadbiran yang selari dengan keperluan meningkatkan kecekapan tanpa menjejaskan ketelusan (Fazial *et al.*, 2025; Mokodenseho *et al.*, 2023). Selain itu, potensi pemanfaatan harta luqatah bagi tujuan kebajikan sosial memperlihatkan keselarasan dengan maqasid syariah dalam memelihara maslahat



masyarakat dan memperkuat peranan baitulmal sebagai institusi kesejahteraan ummah (Rozi *et al.*, 2025; Sari, 2024).

Perbincangan ini menunjukkan bahawa manual prosedur pengurusan harta luqatah di Malaysia telah menyediakan asas syariah dan pentadbiran yang kukuh. Namun masih memerlukan pengukuhan melalui standardisasi nasional, integrasi digital bersepadu, ketelusan struktur kewangan, kerangka penilaian aset yang sistematik, inovasi mekanisme pelupusan serta peluasan dimensi kebajikan sosial. Transformasi menyeluruh terhadap manual prosedur ini berpotensi meningkatkan kecekapan pentadbiran, mengukuhkan kepercayaan masyarakat serta memperkuat legitimasi institusi baitulmal dalam konteks tadbir urus Islam kontemporari sekaligus menjadi asas kepada pembinaan model pengurusan harta luqatah yang lebih sistematik, telus dan berorientasikan maqasid syariah. Justeru, dapatan kajian memperlihatkan variasi model antara negeri serta mengemukakan asas empirikal bagi penyeragaman dan pengukuhan model pengurusan luqatah di peringkat nasional.

Kesimpulan

Kajian ini telah membandingkan model pengurusan harta luqatah yang diamalkan oleh institusi baitulmal di Malaysia berdasarkan enam komponen utama, iaitu penerimaan, penyimpanan, hebahan, tuntutan, penilaian dan pelupusan. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun semua negeri beroperasi dalam kerangka prinsip syariah yang sama dan mematuhi prosedur asas yang ditetapkan, pelaksanaan sebenar mencerminkan kewujudan corak model pentadbiran yang berbeza. Secara umum, sekurang-kurangnya dua model utama dapat dikenal pasti. Pertama, model berstruktur tinggi yang menekankan dokumentasi terperinci, kawalan dalaman yang jelas, laporan penilaian formal serta mekanisme kelulusan berlapis. Kedua, model prosedural minimum yang memenuhi keperluan asas manual tetapi kurang menekankan integrasi sistem rekod, garis panduan susut nilai dan struktur penilaian yang sistematik. Perbezaan ini bukan sekadar variasi teknikal, tetapi menunjukkan tahap kematangan tadbir urus dan kapasiti pentadbiran yang tidak seragam antara negeri.

Berdasarkan perbandingan tersebut, kajian ini mencadangkan penambahbaikan model sedia ada melalui pembangunan kerangka pengurusan luqatah nasional yang lebih bersepadu. Cadangan utama merangkumi penyeragaman dokumentasi dan struktur fi, pembentukan garis panduan susut nilai yang standard khususnya bagi aset digital, integrasi sistem rekod kaunter dan dalam talian serta mekanisme pelupusan yang lebih responsif terhadap perubahan nilai pasaran. Model penambahbaikan ini bertujuan menggabungkan kekuatan model berstruktur tinggi dengan keanjalan pentadbiran sedia ada tanpa menjejaskan prinsip syariah. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa pengurusan harta luqatah di Malaysia telah mempunyai asas institusi yang kukuh, namun masih memerlukan penyelarasan model dan pengukuhan struktur operasional bagi memastikan keseragaman, ketelusan dan kecekapan pentadbiran di peringkat nasional. Penemuan ini menyumbang



kepada pembangunan model pengurusan luqatah yang lebih sistematik dan berorientasikan tadbir urus institusi Islam kontemporari.

Rujukan

- Abdullah, M. M., Ahmad, M. Y., Rosli, M. M. M., Nor Rozaman, A. F., Mahmad Robbi, A. A., & Baharudin, M. H. (2025). An analysis of procedures and management of Muslim property at Baitulmal. *International Journal of Advanced Research*, 13(2), 1336–1346. <https://doi.org/10.21474/IJAR01/20497>
- Abū Dāwūd, S. b. al-S. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Adiwijaya, Z. A., Ahmad, S., & Suprianto, E. (2024). Good BAZNAS governance model on national zakat agency in Semarang City. *Jurnal Ilmiah Edunomika*, 8(2), 1-11. <https://jurnal.stie-aas.ac.id/index.php/jie/article/view/12849>
- Ahmad, M. Y., Mohamed, N. H., Jamsari, E. A., Zakaria, Z., Omar, A. F., & Taib, M. S. M. (2017). Baitulmal’s potential as trustee for unclaimed moneys of Muslims. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(12), 593–599.
- Ahmad, M. Y., Rozali, E. A., Adnan, N. I. M., Zakaria, Z., Omar, A. F., Jamsari, E. A., & Mohd Noor, N. A. (2020). Inheritance management by Baitulmal in Malaysia: Role and challenges. *International Journal of Advanced Research*, 8(10), 1113–1120. <https://doi.org/10.21474/IJAR01/11941>
- Al-Bukhārī. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ibn Kathīr.
- Al-Khin, M., al-Bughā, M., & al-Sharbajī, A. (2013). *Al-fiqh al-manhajī ‘alā madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Vol. 3). Dār al-Qalam.
- Al-Shawkānī, M. (1999). *Nayl al-awṭār min aḥādīth sayyid al-akhyār* (Vol. 5). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhī. (1998). *Sunan al-Tirmidhī*. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Zuhaylī, W. (1997). *Al-fiqh al-Islāmī wa adillatuh*. Dār al-Fikr.
- Al-Zuhaylī, W. (1999). *Fiqh dan perundangan Islam* (Terj.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ansori, H. R., & Violita, E. S. (2024). Analysis of the implementation of transparency and accountability in zakat, infaq, and alms institutions. *Eduvest: Journal of Universal Studies*, 4(2). <https://eduvest.greenvest.co.id/index.php/edv/article/view/51318>
- Ari Astuti, & Bijan Bidabad. (2024). Implementation of the Transparency Principles and Accountability of Indonesian Zakat Management Organizations through Providing Information and Financial Reports on the Website. *Socio-Economic and Humanistic Aspects for Township and Industry*, 2(2), 172–186. <https://doi.org/10.59535/sehati.v2i2.235>
- Bayu Taufiq, & Abdul Ghaffar. (2012). Public wealth management by Baitul Mal and legal constraint. *Working Paper in Islamic Economics and Finance*, Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Fairuz Md Salleh, M., Basnan, N., Wahid, H., & Mohd Harun, A. (2022). Perakaunan aset wakaf di Malaysia: Cadangan pengolahan perakaunan dan pelaporan. *JAWHAR & Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Fazial, F., Ishak, M. M. M., Taher, M. S. I. M., & Ghazali, N. (2025). Enhancing zakat management through digitalization: A literature review on emerging technologies and best practices. *Journal of Information System and Technology Management*, 10(38), 64–86. <https://doi.org/10.35631/JISTM.1038006>
- Hadi, Y. S. S. R., Hilyatin, D. L., Riyadi, S., & Basrowi, B. (2024). Digital zakat management, transparency in zakat reporting and the zakat payroll system toward zakat management accountability and its implications on zakat growth acceleration. *International Journal of Data and Network Science*, 8(1), 597–608. <https://doi.org/10.5267/j.ijdns.2023.8.025>
- Ibn Mājah. (n.d.). *Sunan Ibn Mājah*. Dār al-Fikr.
- Ibnu Hajar al-Haytamī, A. M. (2016). *Tuḥfat al-muḥtāj bi sharḥ al-minhāj* (Vol. 3). Dār al-Ḥadīth.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2008). *Manual pengurusan harta luqatah*. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/manual-pengurusan-harta-luqatah/>
- Manik, K. R. T. G., Ummi, R., & Syaputra, F. (2024). Zakat 4.0: Utilization of technology to increase transparency and accountability of zakat management. In *Proceedings of the 8th International Conference of Zakat (ICONZ 2024)* (pp. 717–723).
- Mardini, I. A., Pramuka, B. A., & Putri, N. K. (2020). The effect of accountability, transparency, and service quality toward loyalty of zakat payers. *Oikonomika: Jurnal Kajian Ekonomi dan Keuangan Syariah*, 1(2), 51-67. <https://ejournal.iainfmpapua.ac.id/index.php/oikonomika/article/view/71>
- Mas'Ad Saleh, M. A., & Sharif@Hamzah, L. (2021). The understanding of ruling and management of luqatah (lost property) among USIM students. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 66–74.
- Md Salleh, M. F., Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Wahid, H., & Abdul Wahab, A. B. (2018). Amalan pengiktirafan hasil oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 8(1), 1–22.
- Mohamed, M. Q., & Sulaiman, N. (2017). A comparative study on the management of al-mafqud real estate and luqatah property in Malaysia. *Al-Qimah al-Mudhafah: The Journal of Management and Science*, 3(1), 1-5.
- Mohd Musa Sarip. (2022). Kajian preliminari kaedah pengurusan harta luqatah di Universiti Islam Selangor. Dalam *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022* (pp. 133–138).
- Mokodenseho, S., Syafri, M., Hasrullah, H., & Judijanto, L. (2023). Utilizing blockchain technology to increase transparency in zakat management. *West Science Islamic Studies*, 1(1), 1–9.
- Muslim. (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ṭaybah.



- Nik Din, N. M. (2021). *Pembentukan kerangka model pengurusan harta luqatah* (Tesis sarjana). Universiti Teknologi MARA. <https://ir.uitm.edu.my/55710/>
- Rozi, Y. H. B., Erizal, N., & Abd Khafidz, H. (2025). Governance principles of zakat and baitulmal institutions according to al-Māwardī and their application in Malaysia. *Al-Hikmah*, 17(1), 89–111. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.2025.1701/561>
- Saadan, M. K. K., Sarip, M. M., Ibrahim, M. R., & Isa, H. (2023). Fatwa dan bidang kuasa institusi-institusi pengurusan harta luqatah di Selangor. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023)*, 429–442.
- Sari, M. A. (2024). Advancements and challenges in zakat digitalization. *GBMR Journal*.
- Susanto, A. A., Choris, L. H. P., Bani, N. A., Rizal, C. F., & Oktari, M. (2024). Digital transformation in zakat management: A bibliometric review on the application of blockchain technology. *iBAF e-Proceedings*, 11(1), 768–790. <https://doi.org/10.33102/7qjfd415>
- Tajuddin, T. S., & Takril, N. F. (2023). Trust in zakat authorities and zakat compliance: A conceptual analysis (Kepercayaan kepada pihak berkuasa zakat dan pematuhan zakat: Analisis konseptual). *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(2), 115–128. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v3i2.82>
- Taufiq Possumah, B., & Ghafar Ismail, A. (2012). Baitul Mal and legal constraint: Public wealth management in Malaysian context. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(11), 27–52.
- Tazhdinov, M., & Hidayanti, N. F. (2025). The effectiveness of zakat applications in improving transparency and accountability. *Journal of Sharia Economy and Islamic Tourism*, 6(1), 1–16.
- Zanirah Mustafa@Busu, N. M. N. Din, N. H. Awang @ Ab Rahman, N. I. N. Zainan, M. K. A. Ismail, N. S. Zainal, C. B. C. Mat, & I. N. A. M. F. Kozako. (2021). Pembentukan kerangka model pengurusan harta luqatah: Satu analisis pendekatan baru dalam menangani isu-isu harta yang tidak dituntut di institusi pengajian tinggi. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 1-8.

**Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on LPSS Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. LPSS Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*